

Bisnes online paling ramai jutawan

Kuala Lumpur: Trend perniagaan secara 'online' dalam kalangan usahawan muda paling banyak menyumbang kepada peningkatan jutawan berusia bawah 35 tahun dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

Ini kerana kebanyakan mereka bermula dengan perniagaan atau transaksi secara online yang tidak memerlukan modal besar.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah berkata, golongan berkenaan melihat letusan teknologi perniagaan secara online sebagai satu peluang yang tidak boleh disia-siakan.

"Mereka terdedah kepada Internet dan penggunaan telefon pintar yang begitu senang dihubungkan kepada aplikasi media sosial seperti Facebook dan Instagram.

"Lagipun kos pernia-



PROF MADYA DR ZULHAMRI

gaan secara online adalah efektif dan menampilkan kreativiti serta keberanian mereka untuk bersaing dengan menggunakan platform yang tersedia," kata Zulhamri.

Katanya, modul keusahawanan di UPM juga disesuaikan dengan teknologi Internet.

"Kebanyakkan pelajar di-dedahkan dengan trend perniagaan semasa dan jutawan muda yang berjaya dibawa masuk sebagai panel bagi berkongsi pengalaman melalui penganjuran majlis 'CEO Talk'.

"Apa yang kami cурахkan kepada pelajar kami adalah cara mengembangkan perniagaan mereka disebabkan ada antara pelajar memulakan perniagaan secara online ketika masih belajar di universiti.

"Ada seorang pelajar saya memulakan perniagaan butik secara online. Walaupun belum mencapai status jutawan, dia mula mengorak langkah untuk menjadi jutawan muda selepas tamat pengajian.

"Selain itu, seorang bekas pelajar kami membuka perniagaan berdasarkan produk F&B (makanan dan minuman) dan kini boleh dikatakan menghampiri status jutawan," katanya.

Zulhamri menyarankan belia mengikuti kursus perniagaan sekalipun beroperasi secara online.

"Mereka perlu diberi tunjuk ajar untuk mengasah keupayaan, sekali gus memperkembangkan perniagaan," katanya.